

Tinjauan Literatur Terjemahan Istilah dalam Teks Agama

BITARA

Volume 3, Issue 4, 2020: 015-025
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Literature Review of Terms Translation in Religious Text]

Aini Ziyana Azri¹ & Maheram Ahmad¹

Abstrak

Kesukaran mencari perkataan yang sepadan dalam bahasa sasaran menjadi kekangan utama kepada para penterjemah istilah dalam teks agama, terutamanya dalam bidang fiqh dan hadis. Dalam penulisan kitab-kitab terdahulu, para ulama di Nusantara tidak menterjemahkan istilah-istilah fiqh yang terdapat dalam buku-buku berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu kerana mereka tidak menemui perkataan yang tepat atau sepadan maknanya dalam bahasa itu. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti pendekatan yang telah diambil oleh para pengkaji dan penterjemah terdahulu semasa mereka menterjemahkan istilah-istilah agama ke bahasa Melayu, di samping menganalisis keperluan kajian pada masa kini. Kajian literatur ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan sebagai instrumen kajian. Data dan maklumat dikumpul melalui kaedah kepustakaan dan huraian atau analisis pula dilakukan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati dua kaedah kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kebanyakan kajian yang berkaitan dengan istilah bagi memudahkan proses penterjemahan dan pengeluaran sampel. Selain itu, kedua-dua tema juga membincangkan perkara yang sama iaitu masalah dan cabaran yang dihadapi ketika menterjemahkan istilah dan teks agama. Kajian istilah secara umumnya telah banyak dikaji tetapi kajian yang berkaitan dengan terjemahan istilah dalam teks agama masih perlu diselidiki dan diberi perhatian.

Kata kunci:

Terjemahan, kaedah terjemahan, padanan, istilah, teks agama.

Abstract

The difficulty of finding the corresponding words in the target language is the main constraint among translators of terms in religious texts, especially in the field of fiqh and hadith. In writing earlier books, scholars in Nusantara did not translate the fiqh terms found in Arabic books into Malay as they did not find the exact word to match its meaning. Therefore, this study is designed to identify the approaches taken by researchers and previous translators in translating religious terms into Malay language, while analyzing the needs of the study nowadays. This literature study is a qualitative study with content analysis as study instrument. Data and information are collected through literature reviews while the analysis is made descriptively. The findings show that there are two methods of study namely qualitative and quantitative used in most studies related to the term to facilitate the process of translation and production of samples. Besides, both themes also discuss the same thing about the problems and challenges faced to translate religious terms and texts. Although the studies

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

MAHERAM AHMAD, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA.
E-mail: maheram@ukm.edu.my

of terms have generally been studied many times before yet studies related to translation of terms in religious text need more researches and observation.

Keywords:

Translation, translation method, equivalent, terminology, religious text.

Cite This Article:

Aini Ziyana Azri & Maheram Ahmad. 2020. Tinjauan literatur terjemahan istilah dalam teks agama. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 015-025.

Pengenalan

Bahasa Arab selalu dikaitkan dengan agama Islam. Kenyataan ini bertepatan dengan situasi yang berlaku pada zaman sekarang kerana bahasa inilah yang digunakan oleh kebanyakan sasterawan Islam dalam mendalami ilmu agama. Apabila mereka mendalami agama, mereka perlu merujuk dua sumber rujukan utama dalam Islam, iaitu al-Quran dan hadis yang kedua-duanya juga ditulis menggunakan bahasa Arab (Noor Syafiqah & Zamri Arifin 2016).

Keunikan masyarakat Melayu Islam pula adalah apabila ajaran agama Islam, dipelajari melalui bahasa Arab padahal realitinya sebilangan besar masyarakat Melayu tidak memahami dan tidak menguasai bahasa Arab. Oleh itu, untuk memahaminya masyarakat Melayu perlu bergantung sepenuhnya kepada buku-buku terjemahan sebagai bahan rujukan (Naimah Abdullah et al. 2009).

Idea penterjemahan seperti terjemahan al-Quran, hadis dan juga kitab-kitab fiqh mula muncul setelah Islam tersebar secara meluas dalam kalangan bangsa bukan Arab. Sejarah terjemahan bermula pada zaman pramoden dengan cerita saduran dari India dan semenanjung Arab serta terjemahan kitab agama. Kitab agama seperti *Hidāyah al-Sālikīn*, *Bulūgh al-Marām*, *Minhāj al-Ābidīn* dan *Maṭla' al-Badrain* merupakan hasil usaha beberapa orang penulis seperti Hamzah Fansuri, Shamsudin al-Raniri, Syeikh Daud al-Fatani dan Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari. Sesetengah kitab tersebut masih lagi digunakan sehingga hari ini di Malaysia (Nurulhayati & Che Ibrahim 2015).

Penterjemahan merupakan satu usaha atau satu perbuatan memindahkan sesuatu teks dan menerbitkannya semula ke dalam bahasa yang lain. Tujuan utama penterjemahan adalah untuk menghasilkan satu karya terjemahan (teks sasaran) yang membawa makna yang sama dengan teks sumber. Penterjemah akan berusaha untuk membantu pembaca sasaran memahami teks asal dengan sempurna. Dalam proses penterjemahan itu, penterjemah biasanya berpandukan prinsip penterjemahan dan beretika dalam melakukan terjemahan.

Teks pula terdiri daripada dua jenis, iaitu teks sastera dan teks ilmiah. Teks sastera mengandungi fakta dan imaginasi seperti prosa, puisi dan juga novel. Teks ilmiah ialah teks yang membincangkan perkara-perkara ilmiah sama ada teks tersebut terdiri daripada sejarah, sains dan juga teks agama. Teks agama yang termasuk dalam teks ilmiah mestilah mengandungi fakta, ayat al-Quran, dan juga hadis. Dalam teks agama, sering ditemui istilah atau perkataan khusus yang berkait dengan suatu bidang ilmu atau topik yang dibincangkan.

Terjemahan al-Quran semakin menjadi satu keperluan sejak tersebarnya Islam secara meluas dalam kalangan bangsa bukan Arab. Penyampaian ajaran dan mesej berkaitan Islam kepada orang bukan Islam menjadikan terjemahan al-Quran satu kepentingan (Ahmad Bazli et

al 2014). Begitu juga dengan hadis yang bersumberkan wahyu dan disabdkan oleh Rasulullah S.A.W. Terjemahan hadis memiliki disiplinnya tersendiri. Sebahagian daripada kosa kata hadis mengandungi banyak makna dan banyak ungkapan kiasan, menjadikannya sukar difahami. Oleh sebab itu, seseorang penterjemah yang terlibat dengan penterjemahan teks-teks hadis mesti memenuhi syarat-syarat tertentu bagi memastikan hasil terjemahannya tepat dan tidak menyeleweng (Harun Zainal Abidin 2014).

Peristilahan pula merupakan salah satu aspek penting perancangan bahasa. Menurut *Kamus Dewan* (2015), istilah ialah perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan, pekerjaan atau kesenian. Zuraini Hamisan (2002) pula dalam kajiannya mendapati bahawa peminjaman pengistilahan bahasa Arab dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu, istilah-istilah yang tidak melibatkan unsur-unsur agama dan telah sebatи digunakan dalam bahasa Melayu dan istilah-istilah yang melibatkan unsur-unsur keagamaan daripada cabang-cabang ilmu agama seperti fiqh, hadis, tafsir, tauhid dan sebagainya.

Pernyataan Masalah

Teks agama yang mengandungi fakta, ayat al-Quran, teks hadis dan juga istilah sukar diterjemahkan secara tepat ke dalam bahasa sasaran (Rachid 2015; Sohair 1999). Kajian terdahulu mengatakan bahawa penterjemahan istilah dalam teks agama terutamanya dalam bidang fiqh berhadapan dengan masalah dalam mencari padanan yang tepat dalam bahasa sasaran. Dalam penulisan kitab-kitab terdahulu, ulama di alam Nusantara tidak menterjemahkan istilah-istilah fiqh yang asal ke dalam bahasa Melayu kerana tidak mempunyai perkataan yang tepat maknanya dalam bahasa Melayu (Tengku Fatimah Muliana, Syh Noorul Madihah & Sumayyah Abdul Aziz 2014). Kegagalan dalam memahami makna istilah fiqh akan membataskan pengetahuan seseorang mengenai hukum hakam dalam Islam (Fuad Thohari 2013; Muhammad Adib et al 2014; Muhamad Mazlan 2015; Shaharudin & Harun Baharudin 2018).

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan yang telah dilakukan dalam kajian lepas yang berkaitan dengan kaedah penterjemahan istilah dalam teks agama serta menganalisis keperluan kajian untuk masa kini.

Metode Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data. Data dikumpul daripada buku, jurnal, tesis, kertas kerja, persidangan dan sebagainya. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif.

Analisis Tinjauan Literatur

Dalam kajian ini, tinjauan literatur dibahagikan kepada dua tema utama, iaitu kajian istilah dan teks agama.

Kajian Istilah

Kurangnya perhatian dalam pengajaran bahasa asing terutamanya mengenai terjemahan istilah telah membuka ruang untuk Noor Syafiqah dan Zamri Ariffin (2016) menulis artikel bertajuk “Pencerakinan Kajian Istilah dan Terjemahan BERNAMA Arab ke Bahasa Melayu dan Inggeris”.

Bagi mencari padanan makna yang sesuai bagi sesuatu istilah, kajian ini ditulis bertujuan untuk meneliti ketepatan penggunaan istilah dari BERNAMA Arab ke bahasa Melayu dan Inggeris selain menterjemahkan teks BERNAMA Arab dalam semua aspek ke bahasa Melayu dan Inggeris. Kajian ini juga bertujuan untuk memaparkan padanan istilah dari BERNAMA Arab ke istilah bahasa Melayu dan Inggeris.

Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan analisis kandungan seperti rujukan bahan ilmiah utama berdasarkan buku, kamus dan jurnal, di samping bahan utama daripada internet melalui tapak web BERNAMA.com dan tapak web lain yang berkaitan dengannya. Bagi memudahkan proses penterjemahan, kajian telah mengkategorikan istilah kepada beberapa aspek iaitu dari segi bantuan dan bencana, sosial, ekonomi, pemerdagangan dan keganasan.

Hasil kajian menunjukkan padanan istilah dipadankan mengikut kesesuaian makna dan secara langsung turut memaparkan istilah yang dapat membantu khalayak pembaca memahami istilah yang sering diguna pakai. Selain itu, hasil kajian menunjukkan terdapat perkataan yang mempunyai istilah yang sama dan makna yang sama, gaya bahasa yang membawa maksud yang berlainan serta kata nama khas. Kajian membuat rumusan bahawa kajian istilah merupakan satu bidang kajian yang sangat mencabar buat para penterjemah. Oleh itu, beberapa teknik diperlukan agar dapat menghasilkan karya terjemahan yang terbaik.

Kajian Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Syh Noorul Madihah Syed Husin dan Sumayyah Abdul Aziz (2014) yang bertajuk “Pengetahuan Pelajar Unisza Terhadap Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Fikah” bertujuan untuk menganalisis tahap pengetahuan pelajar dalam tiga bab fikah utama, iaitu bersuci, solat dan puasa serta mengenalpasti istilah yang paling kurang dikuasai responden antara tiga bab fikah tersebut. Kajian juga dijalankan bagi membuat perbandingan terhadap pengetahuan pelajar yang beraliran agama dengan pelajar yang bukan aliran agama.

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan data kuantitatif. Populasi dalam kajian ini melibatkan pelajar diploma semester 1 di UniSZA merentas 6 buah fakulti yang sedang mengikuti kursus di peringkat diploma. Bilangan sampel ditentukan berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan, dan pemilihan sampel adalah dibuat secara rawak berkelompok. Data dianalisis berdasarkan frekuensi dan peratusan mengikut tiga bab fikah utama supaya dapat mengenai pengetahuan responden terhadap istilah bahasa Arab dapat dilihat dan dinilai dengan lebih jelas berdasarkan bab-bab tertentu dalam bidang fikah.

Rumusan daripada kertas kerja tersebut, boleh disimpulkan bahawa pengetahuan pelajar diploma UniSZA semester satu terhadap istilah bahasa Arab dalam bidang fikah secara keseluruhannya adalah masih di tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapat pelajar yang berada dalam aliran agama masih belum mempunyai pengetahuan yang benar dalam istilah-istilah bahasa Arab dalam bidang fikah. Hal ini kerana perbezaan yang sangat kecil antara peratusan dalam kelas pengetahuan baik antara pelajar aliran agama dan bukan agama, memberi indikasi bahawa penekanan terhadap kefahaman istilah-istilah tertentu serta kaedah pengajaran di peringkat sekolah perlu diberi penambahbaikan.

Selain itu, Atifah Ahmad Yusof (2014) dalam kajian disertasinya yang berjudul “Analisis Beberapa Istilah Falsafah Menurut Jābir Ibn Hayyan Berdasarkan Kitab Al-Hudud” telah menganalisis empat istilah tabii menurut Jabir Ibn Hayyan iaitu panas (*al-harārah*), sejuk (*al-burūdah*), lembap (*al-ruṭūbah*) dan kering (*al-yabūsah*) dan membandingkannya dengan al-Kindī dan Ibn Sīnā.

Kajian ini juga bertujuan untuk menterjemahkan *Kitab al-Hudud* karya Jābir ibn Hayyan ke dalam Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan dua metode analisis, iaitu kuantitatif dan kualitatif.

Bagi analisis kuantitatif, kajian membuat perbandingan berdasarkan jumlah istilah dan jumlah persamaan istilah antara tokoh yang dikaji. Istilah-istilah ini dikelaskan kepada beberapa kategori seperti metafizik, logik, bahasa, tabii, epistemologi, psikologi, agama, falsafah, matematik, perubatan dan etika.

Sementara itu, bagi analisis kualitatif pula, kajian menfokuskan kepada perbandingan konsep terhadap beberapa istilah terpilih berdasarkan tiga perkara iaitu perbandingan subjek, proses dan objek yang terlibat. Kaedah ini dapat mengesan perubahan yang berlaku ketika menghuraikan maksud atau konsep istilah berdasarkan perbezaan frasa dan makna mereka.

Hasil kajian ini mendapat istilah Jābir, al-Kindī, dan Ibn Sīnā banyak tertumpu pada aspek tabii berbanding aspek yang lain. Kajian juga mendapat definisi Jābir telah menjadi asas kepada perkembangan definisi seterusnya seperti istilah *harārah* dan *burūdah*. Terdapat juga definisi Jābir yang berbeza dengan tokoh sebelum dan selepasnya, seperti istilah *ruṭūbah* dan *yabūsah*. Kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa pendefinisian oleh Jābir menepati kefahaman semasa berdasarkan analisis terhadap istilah moden.

Satu artikel yang bertajuk “Analisis Penerjemahan Istilah-Istilah Agama Islam Dari Bahasa Arab Ke Bahasa Inggeris” oleh Andri Purwanto pada tahun 2013 membincangkan masalah-masalah yang dihadapi semasa proses penterjemahan istilah-istilah Islam serta strategi menanganinya.

Kajian ini menggunakan korpus daripada buku bahasa Inggeris yang bertajuk “*The Noble Qur'an English Translation of the Meanings and Commentary*” yang diterjemahkan oleh Dr. Muhammad Taqi-ud-Din Al-Hilalli dan Dr. Muhammad Muhsin Khan. Sebanyak 250 istilah dikeluarkan sebagai sampel dan dikategorikan mengikut strategi dan teori terjemahan. Kajian ini menggunakan dua metode analisis iaitu kauntitatif dan kualitatif.

Terdapat sembilan strategi umum terjemahan yang digunakan iaitu kata umum dengan bentuk dan fungsi, kata pinjaman dengan ciri bentuk, kata pinjaman dengan bentuk penambahan terpanjang, kata pinjaman dengan perbandingan, kata pinjaman dengan pengelasan, kata pinjaman dengan kuplet, kembar tiga dan empat segi, kata pinjaman dengan sinonim, kata pinjaman dengan sinonim ditambah rujukan dan kata pinjaman tanpa pengubahsuaihan.

Kajian Zuraini Hamisan (2002) dalam tesis sarjana beliau yang bertajuk “Peminjaman Istilah Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes” bertujuan untuk mengupas peristilahan bahasa Arab yang digunakan secara langsung dalam Bahasa Melayu. Korpus utama kajian adalah Majalah Ahkam Johor 1913M dan terbatas kepada peristilahan yang dipinjam daripada bahasa Arab sahaja yang digunakan dalam ayat Melayu dalam kitab tersebut. Dalam kajian ini, beliau menggunakan dua metode, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis data. Analisis dilakukan bagi melihat keseragaman istilah dengan proses pembentukannya dan membandingkan ejaan di dalam kitab kajian dengan ejaan dalam bahasa asalnya.

Hasil kajian mendapati bahawa 57% daripada peminjaman istilah bahasa Arab dalam korpus kajian mengalami perubahan ejaan dan 43% lagi tidak mengalami perubahan. Hal ini disebabkan oleh perkembangan penulisan Jawi pada masa itu yang mula dipengaruhi oleh ejaan Melayu dengan penambahan huruf. Namun perbezaan ejaan ini tidak menjelaskan konsep dan makna asal yang terdapat dalam bahasa sumbernya.

Kertas kerja yang bertajuk “*Tarjamah al-Muṣṭalahāt al-Īslāmiyyah: Mashakil Wa Hulūl*” yang ditulis oleh Hasan Said Ghazalah (t.th) mengandungi tujuh sub-topik yang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan terjemahan istilah-istilah Islam. Kajian dimulakan dengan mendefinisikan makna istilah Islam dan mengkategorikan istilah kepada tiga jenis yang terdapat dalam bahasa Arab. Seterusnya kajian juga melihat kepada kebolehupayaan istilah-istilah Islam tersebut untuk diterjemahkan ke bahasa sasaran. Dalam sub-topik ini, kajian menyatakan bahawa setiap istilah yang ada boleh diterjemahkan, cuma ia mungkin berbeza dari segi cara terjemahan, ketepatan istilah dalam bahasa sasaran dan jenis sinonim yang digunakan.

Dalam kajian ini, selain membangkitkan isu-isu berkenaan dengan jenis-jenis sinonim yang digunakan, kajian juga membawa persoalan adakah terjemahan istilah Islam tersebut diterjemah atau dihuraikan. Kebiasaannya istilah-istilah yang memerlukan kepada penjelasan lanjut akan diletakkan di dalam kurungan selepas istilah Arab dan ditulis dalam bahasa Latin. Namun sekiranya terjemahan tersebut diberi penjelasan melebihi dua baris, ia perlu diletakkan di ruangan bawah sebagai nota kaki. Dalam kes ini, terjemahan seperti ini tidak lagi dikira sebagai terjemahan istilah, namun dikira sebagai penjelasan terhadap istilah tersebut.

Di samping itu, kajian juga menyenaraikan masalah-masalah utama yang dihadapi ketika menterjemahkan istilah-istilah Islam. Antaranya ialah ketiadaan istilah Islam dalam bahasa sasaran, penghususan istilah Islam dari segi keagamaan itu sendiri, kesukaran untuk mengungkapkan istilah Islam dalam bahasa asing, percanggahan sinonim dalam istilah Islam dan konflik budaya.

Kajian Teks Agama

Kajian Mukhlis Rosli, Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman (2020) yang bertajuk “Terjemahan Teks Keagamaan: Tinjauan dari Sudut Konsep Kebolehterjemahan” dijalankan untuk melihat konsep kebolehterjemahan (*translatability*) dengan berorientasikan kepada dua buah kitab suci, iaitu kitab Bible dan al-Quran. Reka bentuk kajian adalah kajian kepustakaan dan berbentuk analisis kandungan yang menjurus kepada analisis secara deskriptif. Kajian membahagikan ketidakboleh terjemahan kepada dua pembahagian utama, iaitu ketidakboleh

terjemahan linguistik (*linguistic translatability*) dan ketidakboleh terjemahan budaya (*cultural translatability*).

Ana-Maria-Cristina Butnariu (2017) telah menulis sebuah jurnal yang bertajuk “*Translating Religious Texts: Overcoming Challenges*” yang mengemukakan pandangan dan strategi daripada dua orang sarjana, iaitu Jean-Paul Vinay and Jean Darbelnet dalam menangani kesukaran ketika proses terjemahan. Vinay dan Darbelnet memberi dua pendekatan dalam terjemahan iaitu terjemahan langsung/literal dan terjemahan tidak langsung. Dalam proses terjemahan literal, hubungan antara teks sumber dan teks sasaran akan dicipta tanpa melibatkan penstrukturran semula di peringkat semantik atau tatabahasa.

Manakala untuk terjemahan tidak langsung pula, kaedah yang lebih kompleks perlu digunakan untuk menterjemah teks ke dalam bahasa sasaran. Walaupun menjelaskan susunan sintaksik atau leksis mungkin kelihatan luar biasa pada mulanya, strategi ini membenarkan penterjemah untuk mengawal keseluruhan proses terjemahan yang terlibat.

Selain itu, jurnal yang ditulis oleh Richard Agliz (2015) yang bertajuk “*Translation of Religious Texts: Difficulties and Challenges*” bertujuan untuk membincangkan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penterjemah Arab ketika menterjemah teks agama. Korpus utama kajian ialah buku al-Shalabi yang bertajuk ‘*Islam Between Truth And False Allegations: A Response To The False Allegations Against Islam*’. Bagi memenuhi objektif kajian iaitu menarik perhatian pembaca terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi ketika menterjemah, beliau sendiri telah bertindak menterjemahkan beberapa petikan agama yang terdapat dalam buku tersebut.

Secara keseluruhan, kesukaran dalam mencari padanan perkataan yang paling sesuai merupakan cabaran utama yang dihadapi. Penterjemah perlu peka dengan perbezaan budaya dan kreatif dalam mencari kerelevan dalam budaya tertentu agar dapat menyampaikan mesej yang terdapat dalam teks sumber dengan cara yang paling tepat dan mudah difahami serta memberi impak kepada pembaca.

Abdullah al-Qari Salleh (2011) telah menulis kertas kerja yang bertajuk “Pentingnya Terjemahan Rapi dalam Teks Agama” dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13. Kertas kerja ini menyelusuri perkembangan terjemahan teks agama yang dilakukan oleh penulis-penulis dalam pelbagai agama dan bahasa. Namun kajian ini lebih cenderung kepada teks terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu termasuk Indonesia. Kajian menyatakan bahawa, setiap ayat dalam al-Quran perlu dikaji dan diteliti dengan mendalam sebelum aktiviti terjemahan dilakukan.

Kajian juga menyebut tentang sifat yang perlu ada dalam diri penterjemah al-Quran iaitu taqwa dan takut kepada Allah. Penterjemah juga perlu mempunyai pegangan yang selari dengan *Āhli al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah* dan mengikut fahaman *Salaf al-Šālih*.

Bader S Dweik dan Mariam M Abu Shakra (2010) telah menulis sebuah jurnal yang bertajuk “*Strategies in Translating Collocations in Religious Texts from Arabic into English*”. Jurnal ini ditulis untuk melihat strategi yang digunakan oleh pelajar ketika menterjemah leksikal khusus dan semantik dalam tiga teks agama iaitu al-Quran, hadis dan Bible.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi masalah dalam memberikan ungkapan kolokasi tertentu. Strategi yang digunakan adalah sinonim, generalisasi, pentafsiran, penghapusan dan terjemahan harfiah. Namun sinonim merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar ketika menterjemah leksikal

sementara terjemahan literal digunakan dalam menterjemah semantik al-Quran dan Bible. Manakala, bagi hadis pula, pelajar lebih cenderung menggunakan strategi penghapusan.

Naimah Abdullah, Norhayuza Mohamad, Muhammad Rozman Abdullah dan Zuraini Ramli (2009) dalam “Terjemahan Wacana Agama Arab-Melayu: Wajar Dan Bersediakah Kita Menerima Transformasi?” menulis kertas kerja yang membincangkan masalah terjemahan teks-teks agama yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Kajian ini memberi fokus kepada aspek-aspek bahasa antaranya jenis-jenis kesilapan, kejanggalan serta kekeliruan dalam terjemahan dari beberapa aspek seperti penggunaan istilah, pemilihan perkataan, tatabahasa dan kesannya terhadap maksud yang ingin disampaikan. Manakala, teks agama yang menjadi korpus kajian ini adalah ayat-ayat Quran, hadis 40 dan lafaz-lafaz niat dan doa.

Analisis dibuat melalui huraian teks agama yang diterjemahkan dan disertakan dengan cadangan terhadap penggunaan bahasa yang sepatutnya. Akhir sekali, kajian telah membuat kesimpulan berdasarkan beberapa contoh yang dikemukakan dalam data kajian. Terdapat pelbagai bentuk kejanggalan dalam penggunaan bahasa dalam terjemahan sehingga sesetengahnya memberi implikasi yang besar terhadap struktur makna sesuatu ayat.

Sohair Abdel Moneim Sery (1999) dalam “Penterjemahan Teks Agama dan Usaha ke Arah Mempopulkarkannya” mengulas tentang ciri-ciri dan kemampuan para penterjemah teks agama yang digariskan oleh Ainon Muhammad dalam bukunya yang bertajuk *Panduan Menterjemah*. Ciri-ciri tersebut adalah penterjemah berupaya menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran dengan baik, mempunyai pengetahuan dalam bidang yang diterjemahkan dan mengetahui teori dan amalan terjemahan.

Kajian menyatakan bahawa ketiga-tiga ciri tersebut jarang didapati pada penterjemah teks agama dan berpendapat bahawa pengetahuan yang mendalam tentang seni, gaya dan budaya bahasa Arab itu sendiri perlu dititikberatkan oleh para penterjemah teks agama. Selain itu, kajian juga secara ringkasnya menyenaraikan dua ciri utama yang perlu ada pada teks agama yang diterjemahkan iaitu ketepatan makna dan bahasa yang mudah dan bersahaja.

Hasil Kajian

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan, kebanyakan kajian berkaitan istilah menggunakan dua kaedah kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Bagi memudahkan proses penterjemahan, kajian telah mengeluarkan sampel dan mengkategorikannya kepada beberapa aspek. Hasil pemerhatian juga mendapati bahawa kebanyakan kajian membincangkan isu yang sama, iaitu kesukaran dalam mencari padanan perkataan bagi sesuatu istilah yang diterjemahkan dalam bahasa sasaran. Selain itu, hampir kesemua kajian tersebut menyatakan masalah-masalah yang dihadapi semasa proses menterjemahkan istilah yang ditemui dalam teks agama.

Bagi tema teks agama pula, kebanyakan terjemahan teks agama banyak tertumpu kepada kitab al-Quran dan Bible sebagai bahan korpus. Persoalan seperti kewajaran dan kebolehterjemahan kitab suci menjadi fokus utama perbincangan. Selain membincangkan isu berkaitan dengan masalah yang dihadapi ketika menterjemahkan teks agama, kajian juga mengemukakan strategi untuk mengatasi masalah tersebut. Ciri-ciri yang perlu ada pada

penterjemah teks agama sama sahaja dengan penterjemah teks yang lain, namun seni, gaya dan budaya bahasa Arab itu sendiri perlu diberi perhatian yang lebih oleh penterjemah teks agama kerana kedudukan bahasa Arab yang tinggi di sisi penganut agama Islam kerana ia adalah bahasa al-Quran.

Sebagai cadangan untuk kajian pada masa akan datang, strategi atau kaedah yang digunakan dalam pembentukan istilah bahasa Arab perlu dibuat secara menyeluruh. Kajian juga diharap lebih memberi fokus kepada terjemahan istilah Arab-Melayu berbanding terjemahan istilah Arab-Inggeris. Kajian juga boleh dilakukan untuk melihat pembandingan pembentukan istilah antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab. Bagi teks agama pula, kajian boleh dijalankan bagi melihat teknik atau kaedah yang digunakan untuk menterjemah teks hadis dan kitab agama. Kajian juga boleh diluaskan lagi bagi melihat perbandingan terjemahan teks agama dengan teks sastera.

Kesimpulan

Teks agama dan istilah ternyata tidak dapat dipisahkan lagi. Istilah-istilah yang kebanyakannya berasal daripada bahasa Arab ini saling berkait dengan perihal keagamaan dan perundungan Islam. Sumber utama peristilahan ini ialah al-Quran dan hadis serta kitab agama dari pelbagai bidang ilmu yang terlibat. Oleh itu ia merupakan wasilah penting untuk umat Islam mendalamai ilmu agama dan mempelajari al-Quran.

Untuk masa hadapan, diharapkan kajian-kajian dalam bidang peristilahan ini dapat dikembangkan lagi ke bidang-bidang lain seperti tauhid, fiqh, tafsir, hadis, tajwid dan tasawuf. Kajian yang teliti dan mendalam ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dalam bidang pengajian Islam, malah turut memberi info dan pengetahuan kepada masyarakat umum.

Akhir sekali, kajian membuat kesimpulan bahawa terjemahan istilah-istilah dalam teks agama merupakan cabaran terbesar kepada para penterjemah. Namun usaha-usaha yang dilakukan dalam bidang ini membuktikan bahawa walaupun terdapat pelbagai halangan dan cabaran, ia masih lagi boleh diterjemah.

Rujukan

- Abdullah al-Qari Salleh. 2011. Pentingnya Terjemahan Rapi dalam Teks Agama. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13*, hlm. 33-42.
- Agliz, R. 2015. Translation of Religious Texts: Difficulties and Challenges. *Arab World English Journal* (Special Issue) May 2015: 182-193.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Selamat Amir, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak & Ahmad Farid Ibrahim. 2014. Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu: Penilaian Berasaskan Tafsīr 'Ilmī. *Jurnal Usuluddin* (39) Januari-Jun 2014:111-133.
- Andri Purwanto. 2013. Analisis Penerjemahan Istilah-Istilah Agama Islam dari Bahasa Arab ke Bahasa Inggeris. *DEIKSIS* 05(02) Mei-Ogos 2013: 106-118.
- Atifah Binti Ahmad Yusoff. 2014. Analisis Beberapa Istilah Falsafah Menurut Jabir Ibn Hayyan Berdasarkan Kitab Al-Hudud. Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Dweik, Bader S. & Abu Shakra, Mariam M. 2010. Strategies in Translating Collocations in Religious Texts from Arabic into English. *Atlas Global Journal for Studies and Research*. July 19, 2010.
- Fuad Thohari. 2013. Mengungkap Istilah-Istilah Khusus Dalam Tiga Rumpun Kitab Fikih Syafi'iyyah. *Ahkam* 13(1) Januari 2013: 125-134.
- Harun Baharudin & Muhd Shaharudin Mat Salleh. 2018. Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Istilah Fiqh Dalam Buku Teks Pendidikan Islam. *Proceedings 6th International Conference On Islamic Education: Rabbani Education 2018 (Icied 2018)*, hlm. 465-473.
- Harun Zainal Abidin. 2014. Penulisan Teks-Teks Hadis Dalam Karya Terjemahan Daripada Bahasa Arab Ke Bahasa Melayu. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Hasan Said Ghazalah. t.th. Tarjamah al-Muṣṭalahāt al-Īslāmiyyah: Mashakil Wa Hulūl. t.pt.
- Muhamad Mazlan Abdul Majid. 2015. Penggunaan Istilah Fiqh Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Kajian Di Sekolah-Sekolah Rendah Dalam Zon Pudu,Wilayah Persekutuan. Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Muhammad Adib Samsudin, Anwar Fakhri Omar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Mohammad Zaini Yahaya. 2014. Pengenalan Beberapa Istilah dalam Minhaj al-Talibin. Isu Syariah & Undang-undang Siri 20.
- Naimah Abdullah, Norhayuza Mohamad, Muhammad Rozman Abdullah & Zuraini Mohd Ramli. 2009. Terjemahan Wacana Agama Arab-Melayu. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-12*, hlm. 237-241.
- Noor Syafiqah Ahamadi Palah & Zamri Arifin. 2016. Pencerakinan Kajian Istilah dan Terjemahan Bernama Arab ke Bahasa Melayu dan Inggeris. *Islamiyat* 38(2) 2016: 141-148.
- Nurulhayati Zulfadinamis & Che Ibrahim Salleh. 2015. Konsep Sinonim dalam Teks Terjemahan Novel “The Pearl” ke dalam Bahasa Melayu oleh Abdullah Hussain. *Journal of Business and Social Development* 3(2) September 2015: 80-95.
- Sohair Abdel Moneim Sery. 1999. Penterjemahan Teks Agama dan Usaha ke Arah Mempopulkannya. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-7*, hlm. 55-62.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Syh Noorul Madiyah Syed Husin, Sumayyah Abdul Aziz. 2014. Pengetahuan Pelajar Unisza Terhadap Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Fikah. *The Online Journal of Islamic Education* 2(1) Januari 2014: 38-50.
- Zaliza Zubir dan Mahfuzah Md Daud. 2014. Peristilahan dalam Bidang Saintifik. *Journal of Human Development and Communication* 3(Special Issue) 2014: 93-113.
- Zuraini Hamisan. 2002. Peminjaman Istilah Bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.